

03 JUL 1999

Mahathir-Pertanian

KEKUATAN SEKTOR PERTANIAN DAN PELANCONGAN PERLU DITELITI, KATA MAHATHIR

KUALA LUMPUR, 3 Julai (Bernama) -- Kekuatan sektor pertanian dan pelancongan perlu diteliti untuk tujuan memaksimumkan sumbangannya kepada pembangunan ekonomi dalam menghadapi alaf baru, kata Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

"Sebagai persiapan menghadapi alaf baru kita perlu meneliti kekuatan sektor pertanian dan pelancongan dan memaksimumkan sumbangannya untuk faedah kita semua dan generasi akan datang," katanya ketika merasmikan Pameran Pertanian, Hortikultur dan Agro-pelancongan Malaysia 1999 (MAHA'99) di Kompleks Sukan Bukit Jalil di sini malam ini.

Beliau berkata selaras dengan dasar mempelbagai dan mengoptimumkan penggunaan sumber bagi menangani krisis ekonomi, maka amatlah penting dibangunkan ekonomi secara menyeluruh dan memperkukuhkan pertalian pelbagai sektor bukan sahaja antara sektor pertanian dengan pembuatan tetapi juga antara sektor pertanian dengan sektor pelancongan.

"Kita perlu menggembelngkan keupayaan dan kebolehan kita untuk meneruskan kecemerlangan dalam penyelidikan dan pembangunan industri dan produk baru pertanian daripada komoditi utama dan sumber semulajadi seperti bunga-bunga, ikan hiasan, produk makanan termasuk herba dan ulam-ulaman serta hasil kraftangan," katanya.

Dr Mahathir berkata kerajaan menghidupkan semula pameran pertanian dan hortikultur yang pernah popular pada sekitar tahun 60an dan 70an kerana yakin ia akan memberi manfaat kepada semua kumpulan sasar dan pihak yang terlibat dalam pembangunan sektor pertanian dan pelancongan serta sektor lain yang berkaitan.

Beliau berkata mulai tahun ini, suasana dan kemeriahan MAHA akan dikekalkan dengan pengubahsuaian terhadap pendekatan dan aktiviti baru untuk menggambarkan perubahan pembangunan ekonomi serta cara hidup dan citarasa rakyat.

Katanya perayaaan MAHA'99 disambut di peringkat pusat dan negeri selama tiga bulan mulai hari ini.

Ia akan dimeriahkan dengan Karnival Flora termasuk pameran dan jualan hasil produk pertanian dan pelancongan sebagai pembuka tirai dan serentak itu Pesta Flora diadakan sehingga 11 Julai, kata beliau.

Beliau berkata selain promosi potensi dan destinasi pelancongan, pesta makanan dan minuman yang menonjolkan hasil pertanian khususnya ulam-ulaman dan buah-buahan tertentu serta sambutan Tahun Melawat Negeri Sembilan dan Pulau Pinang turut diadakan.

Dr Mahathir berkata kemuncak sambutan MAHA pula akan diadakan Hari Peladang, Penternak dan Nelayan peringkat Kebangsaan serta Konvensyen dan Ekspo Pertanian Asia 1999 yang akan diadakan secara serentak dari 26 Ogos hingga 31 Ogos.

Dr Mahathir menyeru semua pihak terutamanya kerajaan-kerajaan negeri, sektor swasta, petani, penternak dan nelayan untuk turut sama menjayakan MAHA'99.

Beliau berkata ini kerana menerusi MAHA'99, golongan petani, penternak dan nelayan boleh memperoleh maklumat yang tidak ternilai mengenai peluang dan potensi pelaburan sektor berkenaan.

Golongan pelajar dan masyarakat umum pula boleh mendapat pendedahan dan memperoleh pengetahuan terkini mengenai teknologi dan perkembangan sektor pelancongan, pertanian serta industri berasaskan pertanian di dalam dan luar negara, katanya.

Dr Mahathir berkata menerusi MAHA'99 juga para cendekiawan yang merangkumi pegawai penyelidik, ahli sains dan akademik akan dapat bertukar-tukar fikiran dan pengalaman melalui persidangan, konvensyen dan seminar di peringkat kebangsaan dan antarabangsa.

Beliau berkata para usahawan termasuk pelabur asing juga dapat manfaat daripada MAHA'99 kerana selain memperolehi maklumat berhubung insentif dan potensi pelaburan dalam sektor pertanian dan pelancongan, mereka juga berpeluang berinteraksi dan menjalin rangkaian dengan para pelabur, pengusaha dan kerajaan-kerajaan negeri.

Mengenai industri pelancongan pula, Dr Mahathir berkata MAHA'99 akan membolehkan pelancong tinggal lebih lama di negara ini dan mempromosikan Malaysia sebagai tempat persidangan, konvensyen dan pameran antarabangsa.

Beliau berkata ini kerana para pelancong dan mereka yang terlibat dalam industri pelancongan akan memperolehi maklumat dan pengetahuan terkini mengenai potensi pelancongan dan keindahan Malaysia yang kaya dengan flora dan fauna selain menikmati pelbagai jenis makanan pelbagai kaum, makanan dan hasil kraftangan tempatan.

Katanya sejak pelaksanaan program pelancongan di bawah Rancangan Malaysia Keenam, industri pelancongan merupakan penyumbang utama pendapatan negara.

Pada tahun lepas sektor itu berjaya menarik 5.5. juta pelancong yang berbelanja sebanyak RM9.3 bilion, kata beliau.

-- BERNAMA

AKT AKD